

07 APR 2001

Mahathir-Islam

ULAMA UMNO AKAN KAJI PENYALAHGUNAAN NAMA ISLAM OLEH PAS

TANAH MERAH, 7 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ulama Umno akan terus mengkaji sama ada PAS menyalahgunakan nama Islam yang digunakan pada nama parti pembangkang itu.

"Kalau kita berpendapat mereka menyalahgunakan perkataan Islam, kita boleh dakwa mereka di mahkamah dan terpulang kepada mahkamah untuk menentukannya," kata Perdana Menteri pada sesi dialog pada majlis mesra bersama pemimpin cawangan dan bahagian Umno bahagian Tanah Merah dan Jeli di Sekolah Menengah Teknik di sini.

Beliau berkata Majlis Raja-Raja telah memutuskan mana-mana pertubuhan tidak dihalang daripada menggunakan nama Islam dengan syarat mereka tidak mengelirukan masyarakat atau melakukan penyelewengan.

Beliau berkata dalam keputusan Majlis Raja-Raja itu, kalau nama Islam yang digunakan itu untuk mengeliru atau bertentangan dengan agama Islam maka pertubuhan itu boleh dihadapkan ke mahkamah di bawah undang-undang sedia ada.

"Kalau kita dapat membuktikan dengan jelas bahawa perkataan Islam itu digunakan oleh PAS untuk mengelirukan orang Islam dan juga tidak tepat, kita masih boleh bawa perkara itu ke mahkamah dan membuat tuduhan bahawa itu kesalahan yang dilakukan oleh PAS," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno mempunyai banyak alasan tetapi perlu mendapat hujah yang nyata seperti kesan buruk kepada umat Islam.

Beliau berkata tindakan untuk mengharamkan penggunaan nama Islam pada pertubuhan tidak dapat dilakukan kerana akan banyak pertubuhan yang menggunakan nama Islam terpaksa menukarkan nama.

Perdana Menteri juga meminta anggota Umno yang mengetahui berlakunya politik wang di cawangan atau bahagian masing-masing supaya mengemukakan aduan bersama bukti jelas agar tindakan dapat diambil.

"Saya buat keputusan kalau ada aduan dengan bukti kukuh saya sendiri akan membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah bagi diambil tindakan," katanya.

Beliau berkata apa yang malangnya ialah ramai yang membuat dakwaan berlakunya rasuah dan penyelewengan tetapi apabila diminta memberi keterangan tiada siapa yang sanggup.

Dr Mahathir juga berkata Umno akan turun ke padang bagi menemui golongan muda khususnya pelajar universiti bagi mendekati mereka kepada Umno.

Mengenai pendatang haram yang menggunakan dua kad pengenalan dan membantu parti pembangkang seperti yang dibangkitkan oleh seorang wakil wanita sebuah cawangan di Tanah Merah, Perdana Menteri berkata kad pengenalan Malaysia yang dimiliki mereka yang terbabit akan dirampas.

Beliau berkata kerjasama juga dilakukan dengan pihak berkuasa Thai bagi membendung kemasukan pendatang haram selain memberi penjelasan kepada pemimpin Islam di wilayah selatan Thailand mengenai Pas.

-- BERNAMA

BD AKD